

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI ABDUL
KARIM [BATANG LUPAR]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI ABDUL KARIM [BATANG LUPAR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya perkhidmatan saringan dan rawatan kesihatan mental sampai kepada masyarakat akar umbi memandangkan isu ini masih dipandang enteng oleh rakyat Malaysia, walaupun kedapatan prevalen mereka yang mengalami kemurungan dan kesihatan mental adalah tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. KKM telah mengambil pelbagai langkah bagi meningkatkan liputan saringan dan rawatan kesihatan mental di peringkat komuniti sebagai contoh:

- i. Pertama sekali, sejak tahun 1997, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan **Perkhidmatan Saringan dan Rawatan Kesihatan Mental di peringkat kesihatan primer yang diberikan melalui 1001 klinik-klinik kesihatan sedia ada**, meliputi saringan kesihatan mental dan intervensi bagi individu yang dikenal pasti mengalami masalah kesihatan mental;
- ii. Kedua, perkhidmatan kesihatan mental dan psikiatri turut diberikan melalui **4 buah institusi mental, 66 buah hospital KKM dan 28 buah Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (MENTARI) di seluruh Malaysia**. Perkhidmatan yang ditawarkan turut meliputi perkhidmatan pesakit luar, perkhidmatan psikiatri komuniti dan rehabilitasi agar pesakit dapat mengintegrasikan kembali ke dalam masyarakat;
- iii. Ketiga, liputan perkhidmatan kesihatan mental di peringkat komuniti juga telah dipertingkatkan melalui **pengwujudan inisiatif Program KOSPEN (Komuniti Sihat Pembina Negara) dan Program KOSPEN Plus** bagi warga kerja iaitu yang lebih memfokuskan kepada saringan kesihatan mental individu, meningkatkan kemahiran daya tindak pekerja serta kelompok sokongan pekerja.
- iv. Keempat, melaksanakan **Kempen Kesedaran Kesihatan Mental iaitu Let's Talk Minda Sihat** yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan serta NGO dalam mempromosikan kesihatan mental dan advokasi kepada masyarakat untuk mendapatkan bantuan awal berkaitan masalah kesihatan mental yang dialami;

SOALAN NO : 37

- v. Kelima, KKM bersama beberapa agensi kerajaan lain bersama-sama NGO turut mewujudkan **Talian Bantuan Sokongan Psikososial** bagi membantu individu yang memerlukan sokongan emosi terutamanya semasa pandemik COVID-19;
- vi. Keenam, KKM juga telah mengambil tindakan untuk menambah keperluan sumber manusia melalui **penempatan 200 orang pegawai psikologi kaunseling** di daerah-daerah seluruh Malaysia bagi memperkukuhkan perkhidmatan kesihatan mental di peringkat primer dan komuniti; dan
- vii. Yang terakhir sekali, bagi warga sekolah, **KKM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Program Minda Sihat Sekolah** bagi meningkatkan kesedaran kepentingan penjagaan kesihatan mental melalui saringan dan intervensi dalam menguruskan emosi serta meningkatkan kemahiran daya tindak kesihatan mental. Sekian, terima kasih.